



5 September 2011  
5 September 2011  
P.U. (A) 317

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2011

### *ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (FEDERAL ROADS) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) 2011

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 464/2011 yang disiarkan pada 18 Ogos 2011, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) dan (2) Akta itu, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2011.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 September 2011.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas sebahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

## JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	(2) <i>Jalan arah yang dinyatakan</i>	(3) <i>Tempoh larangan</i>
1. Sebahagian jalan di Laluan 14 (Jalan Jerangau-Jabor) arah ke utara dari seksyen 25.41 hingga seksyen 25.59 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Kuantan ke Kuala Terengganu (arah ke utara) hendaklah menggunakan jalan lencongan sementara dari seksyen 25.38 hingga seksyen 25.62 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	5 September 2011 hingga 31 Julai 2012
2. Sebahagian jalan di Laluan 14 (Jalan Jerangau-Jabor) arah ke selatan dari seksyen 25.41 hingga seksyen 25.59 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Kuala Terengganu ke Kuantan (arah ke selatan) hendaklah menggunakan jalan lencongan sementara dari seksyen 25.62 hingga seksyen 25.38 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	5 September 2011 hingga 31 Julai 2012

JADUAL KEDUA

